

**TALKING POINT**  
***BRIG. JEN. DATO' PROF. DR. KAMARUDIN HUSSIN***  
***NAIB CANSELOR***  
**UNIVERSITI MALAYSIA PERLIS**  
**SEMPENA SENAMROBIK DAN PERJUMPAAN MINGGUAN**  
**PADA 23 JANUARI 2013**  
**DI MULTIPURPOSE COURT KUBANG GAJAH**

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh, Salam Satu Malaysia dan Salam Sedekad Gemilang, UniMAP di Hati

Yang Berbahagia Prof. Dr. Zul Azhar Zahid Jamal, Timbalan Naib Canselor (Akademik dan Antarabangsa) UniMAP

Yang Berbahagia Prof. Dr. Ismail Daut, Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan dan Inovasi) UniMAP

Yang Berusaha Encik Zuber Bin Haji Mohamad, Timbalan Pendaftar UniMAP,

Yang Berusaha Puan Saodah Hassan, Bendahari UniMAP,

Yang Berusaha Puan Mazmin Mat Akhir, Pustakawan Kanan UniMAP,

Yang Berusaha Penolong-Penolong Naib Canselor UniMAP,  
Dekan-dekan dan Ketua-ketua Jabatan,

Seterusnya staf Universiti Malaysia Perlis yang saya kasihi sekalian.

Selamat Pagi, Good Morning, Kalai Vannakam, Zao Shang Hao, Magandang umaga (Tagalog), ahroonsawad (Bahasa Thai).

Hadirin sekalian,

Alhamdulillah syukur ke hadrat Ilahi kerana dengan limpah dan kurniaNya dapat kita semua, warga UniMAP berkumpul pada pagi yang indah ini untuk bersama-sama beramah mesra disamping mengeratkan hubungan silaturrahim sesama kita. Setinggi-tinggi terima kasih saya ucapkan kepada anda semua kerana dapat meluangkan waktu pagi ini untuk bersenam bersama agar kesihatan kita terus terpelihara.

Ladies and Gentlemen,

***First and foremost, I would like to share a good news about our student from PPK Bioprocess, Ainatul Alia Alias who has been nominated for the Berita Harian Varsiti Icons Awards 2012. The awards ceremony will be held on the January 25th at The Royale Chulan Hotel Kuala Lumpur and will be graced by YB Dato' Seri Khaled Nordin, Minister of Higher Education Malaysia.***

***This award is a collaboration between Berita Harian and the Ministry of Higher Education Malaysia. She was nominated in the Technology Category: Agro and Innovation. Being nominated in the category is already a victory to all of us because this is the first nomination for UniMAP in this prestigious award. And to me, she is already a winner in her own right. I would like to wish her all the best and may all the luck in the world be with her. InsyaAllah***

Hadirin sekalian,

Pertama sekali saya ingin mengucapkan setinggi-tinggi tahniah kepada Unit Kajian Strategik kerana telah berjaya menganjurkan Seminar Permikiran Islam dan Nasional (SPIN) untuk semua warga UniMAP baru-baru ini. Saya melihat

seminar ini sebagai satu platform untuk mengimbuai kembali sejarah negara kita iaitu Malaysia dari awal penubuhannya pada 16 September 1963, zaman kebangkitannya, zaman pembentukan negara bangsa dan sehinggalah mencapai kemajuan yang kita kecapai pada hari ini. Mungkin ada yang berasa bosan namun harus diingat bahawa sebagai manusia kita sering terlupa. Sedangkan mereka yang senior juga sering terlupa menghargai kemerdekaan, apatah lagi mereka yang lahir selepas merdeka dan tidak pernah merasai perit jerih kehidupan sebelum merdeka.

Oleh itu SPIN dilihat mampu membina semangat patriotisme dikalangan warga UniMAP. Jangan menyalah anggap niat baik ini sebagai satu propaganda kerajaan. Ianya semata-mata untuk memberi kesedaran akan sejarah bangsa kita yang harus kita pertahankan kerana sejarah mungkin akan berulang sekiranya kita alpa dan memandang remeh sesuatu perkara itu. Justeru itu, sama-samalah kita saling ingat mengingati dan menghargai setiap kemajuan yang telah kita kecapai selama ini.

Hadirin sekalian,

Untuk makluman semua, Persatuan Alumni UniMAP dengan kerjasama Jabatan Hal Ehwal Pelajar dan Alumni UniMAP, Anjung Kulim UniMAP, Pusat-Pusat Pengajian dan Pusat Kerjasama Industri UniMAP akan menganjurkan Majlis Malam Anugerah Tokoh Alumni UniMAP 2013 yang akan dianjurkan pada 26 Januari ini, di Pullman Hotel Putrajaya.

Ini merupakan Majlis penganugerahan pertama yang diadakan bertujuan bagi menghargai para alumni yang telah berjaya dalam bidang masing-masing selain mengumpulkan kembali semua bekas –bekas pelajar UniMAP yang bergraduat sejak konvokesyen pertama pada tahun 2006. Saya difahamkan untuk Malam Anugerah pertama ini lebih 250 alumni telah memberikan

maklum balas untuk turut serta. Ini merupakan permulaan yang baik dan saya berharap bilangan ini akan meningkat dari tahun ke tahun.

Majlis ini juga merupakan satu platform yang baik bagi mengeratkan hubungan pihak industri dengan pihak UniMAP sendiri dan juga alumni. Saya percaya dengan cara ini semua alumni akan dapat bekerjasama untuk memberikan buah fikiran ataupun cadangan yang bernas untuk kebaikan UniMAP yang kita sayangi.

Hadirin sekalian

Minggu lalu, UniMAP telah melebarkan sayap di peringkat antarabangsa apabila memeterai Perjanjian Persefahaman (MoU) bersama Guangdong University of Foreign Studies (GDUFS). Ini merupakan salah satu inisiatif UniMAP bagi meluaskan rangkaian strategik terutama di negara China.

MoU ini melibatkan kerjasama di dalam bidang penyelidikan, akademik serta kerjasama industri untuk bahasa, program perniagaan dan juga Sarjana Pentadbiran Perniagaan (MBA). Melalui kerjasama ini akan membolehkan UniMAP menggunakan kepakaran GDUFS di dalam program Sains Sosial dan UniMAP juga akan membantu GDUFS menawarkan program Bahasa Melayunya sendiri pada tahun hadapan.

Di sini saya ingin mengumumkan satu lagi berita baik iaitu UniMAP menempa sejarah tersendiri apabila dipilih menjadi tuan rumah Forum Presiden-Presiden Asia (AUPF) baru-baru ini.

Bagi mendapatkan hak menjadi penganjuran forum kali ini, kita terpaksa bersaing sengit dengan dua negara lain iaitu universiti dari Iran dan Jepun yang turut membida untuk menjadi tuan rumah pada kali ini. Syukur ke hadrat Ilahi dan saya amat berbangga kerana jawatankuasa AUPF bersetuju untuk memilih UniMAP sebagai tuan rumah untuk kali ini.

Saya difahamkan bahawa pemilihan UniMAP ini dibuat berdasarkan penglibatan aktif dalam forum berkenaan selain pencapaian memberansangkan yang diraih oleh universiti tersebut dalam tempoh sepuluh tahun penubuhannya.

Dengan pemilihan UniMAP sebagai tuan rumah pada kali ini, kita bakal mencipta sejarah kerana selama 11 tahun penubuhannya, kita menjadi penganjur buat pertama kalinya bagi AUPF di negara ini. Forum ini akan mengumpulkan sejumlah besar pemimpin-pemimpin universiti dan juga pengurusan tertinggi universiti dari seluruh Asia. Ini akan memberikan kita peluang yang lebih besar untuk terus melebarkan sayap ke seluruh rantau Asia.

Rasanya cukup setakat ini. Saya sudahi ucapan saya pada pagi ini dengan serangkap pantun,

***Anak Teruna Memacu Kuda  
Kuda Dibeli Dari Indonesia  
Biarpun Usia Masih Muda  
Namun UniMAP Disegani Seluruh Asia***

Sekian. Wabillahi Taufik Walhidayah Wassalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.